

19/05/2002

Boeing buat tawaran rasmi jual Super Hornet

LUMUT: Syarikat Boeing membuat tawaran secara rasmi kepada negara ini berhubung pembelian jet pejuang Super Hornet FA-18F, kata Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Beliau bagaimanapun, enggan mendedahkan butiran tawaran itu termasuk kosnya.

"Tawaran untuk kita menimbangkan pembelian pesawat Super Hornet ini sudah kita terima.

"Saya juga sudah diberikan taklimat sulit mengenai tawaran itu oleh wakil Tentera Laut Amerika Syarikat dan Boeing," katanya kepada pemberita di sini, semalam.

Semalam Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dilaporkan berkata Malaysia mahu membeli model pesawat pejuang Super Hornet terbaru secara tukar beli.

Perdana Menteri berkata, pihak Washington menyatakan jet pejuang terbaru itu tidak pernah diluluskan untuk dijual kepada negara lain.

Najib sebelum itu hadir pada Perbarisan Tamat Latihan Rekrut Pasukan Simpanan Sukarela Tentera Laut DiRaja Malaysia (PSSTLDM) Pengambilan 2000 dan 2001 di KD Pelandok TLDM di sini, semalam.

Najib berkata, kerajaan sedang mengkaji cadangan dikemukakan Boeing itu dari setiap sudut terutama kos dan aliran kewangan, pemindahan teknologi, tawaran komersil serta beberapa aspek teknikal.

Beliau berkata, jika Malaysia bersetuju dengan pembelian secara tukar beli itu, Boeing akan mengambil lapan pesawat FA-18D digunakan Malaysia sekarang dan digantikan dengan jet FA-18F yang lebih canggih.

Katanya, jet FA-18F yang 25 peratus lebih besar berbanding FA-18D mampu melaksanakan fungsi serangan udara ke udara, udara ke darat dan serangan maritim dengan keupayaan yang lebih berkesan.

Katanya, Malaysia juga akan membeli sistem persenjataan bagi memastikan keberkesanan pesawat melaksanakan tiga fungsi utama itu.

(END)